

Terma dan Syarat Khusus berikut diguna pakai secara khususnya bagi Kemudahan Pendebitan dan sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat Am bagi Akaun dan Perkhidmatan.

## **1.0 Definisi**

- 1.1 Semua terma berhuruf besar di dalam Terma dan Syarat Am hendaklah membawa maksud yang sama apabila digunakan di dalam Terma dan Syarat Khusus ini.
- 1.2 Terma-terma berhuruf besar berikut hendaklah membawa maksud yang ditetapkan di sini:
  - ‘Cek’ bermakna cek yang dikeluarkan daripada Akaun Semasa.
  - ‘Akaun Semasa’ bermakna akaun semasa/akaun semasa-i yang disenggarakan oleh Pemegang Akaun, dari mana Pemegang akaun telah mengeluarkan cek untuk pembayaran di Bank.
  - ‘Akaun Debit’ bermakna akaun (sama ada simpanan/akauan semasa) kepunyaan Pemegang Akaun, dari dana mana yang akan didebitkan oleh Bank selaras dengan Kemudahan Pendebitan ini, bagi melunaskan cek yang telah dikeluarkan oleh Pemegang Akaun dari Akaun Semasa.

## **2.0 Operasi Kemudahan Pendebitan**

- 2.1 Pemegang Akaun hendaklah mengisi borang permohonan yang berkaitan bagi memulakan arahan untuk Kemudahan Pendebitan.
- 2.2 Apabila Cek dikemukakan untuk pembayaran dan Baki Sedia Ada kurang mencukupi di dalam Akaun Semasa untuk melunaskan Cek, Pemegang Akaun memberi kuasa kepada Bank untuk mendebitkan dana berkaitan daripada Akaun Debit dan mengkreditkan jumlah yang tersebut kepada Akaun Semasa bagi melunaskan Cek.
- 2.3 Pemegang Akaun berakujanji untuk memastikan Baki Sedia Ada adalah mencukupi di dalam Akaun Debit supaya pendebitan dana yang dibuat secara automatik dan pemindahan dana tersebut kepada Akaun Semasa.
- 2.4 Pemegang Akaun hendaklah mengkreditkan dana secara terus ke dalam Akaun Semasa di mana dana dalam Akaun Debit adalah tidak mencukupi untuk melunaskan cek.
- 2.5 Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang Cek tak lunas/tak berbayar disebabkan oleh dana yang tidak mencukupi di dalam Akaun Semasa / Akaun Debit.
- 2.6 Pemegang Akaun memberi kuasa kepada Bank untuk meneruskan dengan pendebitan Akaun Debit bagi Kemudahan Pendebitan ini selagi Baki Sedia Ada di dalam Akaun Semasa adalah tidak mencukupi untuk melunaskan cek yang dikeluarkan daripada Akaun Semasa, sehinggalah Bank menerima arahan bertulis membatalkan kuasa tersebut.
- 2.7 Akaun Bersama yang dikendalikan oleh Pemegang Akaun dengan orang lain boleh dijadikan Akaun Debit untuk kemudahan ini, tetapi Pemegang Akaun hendaklah mendapatkan persetujuan Pemegang Akaun lain Akaun Bersama tersebut.
- 2.8 Had maksimum bagi pendebitan daripada Akaun Debit kepada Akaun Semasa untuk melunaskan cek adalah RM10,000.00 bagi setiap Cek.

### **3.0 Fi dan Caj**

- 3.1 Fi dan Caj akan dikenakan bagi Kemudahan Pendebitan ini dan yang demikian adalah terdapat pada papan notis cawangan Bank/ laman sesawang Bank.